

IN PILIH C6E 9 (emel)

Sinar harapan semakin hampiri Mohd Muslim

“Sekumpulan enam pakar UMP akan mereka bentuk kerusi roda berkenaan dan menentukan kosnya, sebelum ia disiapkan dalam tempoh empat bulan”

Dr Rosli Abu Bakar
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP

UMP bakal cipta kerusi miliki ciri kenderaan pacuan empat roda bantu budak cacat tangan, kaki bergerak

Oleh Sariha Mohd A

KUANTAN: Harapan remaja cacat yang dilahirkan tanpa tangan dan kaki untuk bergerak sendiri di luar rumah, akan menjadi kenyataan tidak lama lagi apabila sekumpulan pakar dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal mencipta kerusi roda khas untuknya.

Kerusi roda yang memiliki ciri kenderaan pacuan empat roda dicipta khas untuk Mohd Muslim Roslan, 16, itu dilengkapi tali pinggang keselamatan, bagi membantu memudahkannya bergerak di luar kawasan rumahnya yang berbukit.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar, berkata pertemuan dengan Mohd Muslim di rumahnya di Felda Bukit Sagu 2, dekat sini semalam, bagi membolehkan pihaknya mengenal pasti bantuan diperlukan remaja itu.

Beliau berkata, sekumpulan enam pakar UMP akan mereka bentuk kerusi roda berkenaan dan menentukan kosnya, sebelum ia disiapkan dalam tempoh empat bulan.

Mohd Muslim mahukan sebuah kerusi roda khas bagi membolehkannya bergerak sendiri untuk keluar bertemu rakan-rakan kerana dia mungkin sudah jemu berkurung dan bergolek dalam rumah selama 16 tahun.

“Kita simpati dengan keadaannya dan usaha mereka bentuk kerusi roda khas ini satu cabaran besar untuk kami kerana alat ini satu-satunya yang akan dilengkapi ciri keselamatan dan kemudahan pacuan empat roda.

“Secara kasar, kerja mereka cipta kerusi roda khas ini lebih sukar berbanding kerusi yang kami cipta untuk digunakan murid kenit di Pekan dan kosnya lebih mahal, kerana Mohd Muslim tidak mempunyai tangan dan kaki untuk mengimbangi badannya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat remaja terbahit bersama penyarah fakulti berkenaan, Wong Hong Mun, dekat sini, semalam.

Penderitaan Mohd Muslim yang terpaksa bergerak secara bergolek di



SIMPATI: Rosli (kanan) dan Mun melihat saiz tubuh Mohd Muslim untuk mencipta kerusi roda khas bercirikan kenderaan pacuan empat roda, di Felda Bukit Sagu 2, kel-

dalam dan luar rumah kerana kecacatannya itu didedahkan Berita Harian bulan lalu.

Lebih malang, remaja terbahit gagal meneruskan persekolahannya kerana tiada sekolah yang mahu menerimanya kerana kecacatan berkenaan, malah dia juga tidak menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Rosli berkata, kumpulannya akan datang semula ke rumah Mohd Muslim bagi mengukur berat badan dan ketinggian sebenar remaja terbahit untuk disesuaikan dengan kerusi roda yang akan dicipta itu.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mencipta kayu khas bagi memudahkan Mohd Muslim menggunakannya untuk membuka televisyen atau radio, ber-

banding raket badminton digunakan sekarang.

“Kami juga akan berusaha mencipta sudu bersesuaian untuk membolehkan Mohd Muslim makan sendiri menggunakan tiga jari kakinya,” katanya.

Sementara itu, Mohd Muslim berkata, dia terharu kerana ada pihak tampil membantunya dan tidak sabar melihat kerusi roda khas yang bakal dicipta khu-

sus untuknya itu.

“Selama ini, saya hanya duduk depan pintu melihat kawan-kawan bermain depan rumah tetapi selepas ini, mungkin saya boleh menyertai mereka tanpa membebankan sesiapa.

“Saya selalu tinggal seorang diri di rumah dan sudah biasa menguruskan diri sendiri, walaupun terpaksa bergerak ke sana sini secara bergolek,” katanya.